



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : September - December 2023
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Jerebu di Malaysia merupakan isu alam sekitar yang serius dan mengundang pelbagai masalah kesihatan, ekonomi, dan kualiti hidup. Pencemaran jerebu kembali melanda Malaysia sehingga menyebabkan kebimbangan seluruh rakyat. Oleh itu, terdapat pelbagai punca jerebu yang perlu dikenal pasti dan ditangani dengan serius, sejajar dengan peribahasa "sediakan payung sebelum hujan."

Salah satu punca utama jerebu adalah pembakaran hutan secara besar-besaran, terutama di negara jiran seperti Indonesia. Aktiviti ini, biasanya dilakukan untuk membersihkan tanah bagi tujuan pertanian atau pembangunan, melepaskan jisim besar asap dan partikel ke atmosfera. Seterusnya, aktiviti industri melalui pelepasan gas dan partikel dari kilang dan tapak industri yang bukan sahaja mencemarkan udara tetapi juga membahayakan kesihatan. Kenderaan bermotor adalah salah satu sumber utama pelepasan karbon dioksida dan bahan kimia lain yang boleh menyebabkan jerebu. Keadaan ini lebih parah lagi apabila kurangnya penggunaan pengangkutan awam yang efisien.

Selain itu, jerebu juga terjadi akibat cara pembuangan sampah yang tidak teratur atau pembakaran sampah terbuka juga menambah pencemaran udara. Hal ini termasuk aktiviti, seperti membakar daun-daun kering, yang boleh melepaskan asap dan partikel ke udara. Begitu juga dengan penggunaan bahan kimia dalam pertanian, seperti racun serangga dan baja kimia yang juga boleh menjadi sumber jerebu. Bahan-bahan ini jika terbakar atau terbiar, boleh mencemarkan udara.

Jerebu di Malaysia adalah isu kompleks yang disebabkan oleh pelbagai faktor dan memerlukan penyelesaian yang komprehensif. Tanpa tindakan yang efektif dan kesedaran masyarakat, masalah ini akan terus menjejaskan kesejahteraan rakyat.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan peribahasa, "**sediakan payung sebelum hujan**" dalam petikan di atas?

(2 markah)

2. Berikan **EMPAT (4)** punca jerebu berdasarkan petikan tersebut.

(4 markah)

3. Berikan **DUA (2)** pendapat anda tentang cara untuk mengatasi masalah jerebu di Malaysia.

(4 markah)

Petikan (ii)

Baca sajakdi bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Budi Bahasa, Budaya Kita

Di tanah air yang indah ini
Kita membina jati diri
Budi bahasa jadi perlambangan
Mekarnya laksana bunga di halaman

Berbeza budaya bukanlah rintangan
Budi bahasa jadi taruhan
Terima kasih tanda penghargaan
Menitip mesra membuahkan senyuman
Maaf dan tolong, tanda ketulusan
Menyulam ikatan memperkuat hubungan
Budi bahasa cerminan jiwa

Marilah kita semua bersatu hati
Berdakap erat menyanjung tinggi
Warisan budaya pelengkap diri
Usah lupakan usah pudarkan
Meskipun maju teknologi

Budi bahasa bukan hanya perkataan
Setiap tutur kata jadi tumpuan
Tingkah laku jadi pantulan
Potret diri potret negara sejati
Negara Malaysia semakin dihormati

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa, “mekarnya laksana bunga di halaman”?

(2 markah)

2. Apakah **DUA (2)** mesej yang hendak disampaikan oleh penyajak melalui sajak ini?

(4 markah)

3. Nyatakan **DUA (2)** pendapat anda tentang usaha-usaha yang diperlukan untuk menggalakkan masyarakat berbudi bahasa di Malaysia.

(4 markah)

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. pemimpin(2 markah)
- II. pengadil (2 markah)
- III. pengawal (2 markah)
- IV. peserta (2 markah)
- V. pengguna (2 markah)

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Pada masa lapang, kami sekeluarga akan duduk bersama di ruang tamu untuk menonton film dokumentari.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

2. Buah rambutan yang membeli oleh datuk itu rasanya manes sekali.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Dia berkerja sebagai guru bahasa Ingeris di sebuah sekolah antarabangsa, Kuala Lumpur.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Guru besar kami perihatin terhadap mengembang akademik dan sosial para pelajar di sekolah ini.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Perabut di ruang tamu ini sudah lapuk dan perlu mengganti untuk memberikan suasana yang lebih selesa.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2
ARAHAN

: SOALAN ESEI (30 MARKAH)

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

SOALAN 1

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyatakan bahawa lebih 30 peratus dalam kalangan remaja hari ini menghidapi masalah obesiti atau berat badan berlebihan. Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk mencegah obesiti dalam kalangan remaja di Malaysia.

ATAU;

SOALAN 2

Lambakan teknologi mudah alih yang membekalkan permainan dan video interaktif di atas talian telah menyebabkan anak-anak mula hilang minat untuk membaca. Hal ini menyebabkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa. Terangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

ATAU;

SOALAN 3

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dan kos kehidupan yang meningkat, ramai pelajar telah memilih untuk bekerja sambil untuk meringankan beban ekonomi diri dan keluarga. Meskipun terdapat kebimbangan tentang impaknya terhadap prestasi akademik, bekerja sambil sebenarnya membawa banyak faedah lain kepada pelajar. Jelaskan.

KERTAS SOALAN TAMAT